16 Maklumat berikut berkaitan reaksi terhadap Malayan Union.
BUKU TEKS 132

- Orang Melayu membantah Malayan Union
- Raja-raja Melayu meminta Malayan Union digantikan

Apakah kesan daripada reaksi tersebut?
A Pengenalan konsep negara republik
B Penyegeraan pemberian kemerdekaan
C Pengunduran British daripada Tanah Melayu
D Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

17 Apakah faktor yang menyebabkan British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu?
BUKU TEKS 133
A Akur tuntutan golongan radikal
B Memenuhi desakan orang dagang
C Bantahan daripada segenap lapisan
D Pertambahan bilangan kaum imigran

## Ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948

18 Rajah berikut menunjukkan perubahan pucuk pimpinan British di Tanah Melayu.
BUKU TEKS 134

| 1946 Gabenor | → | 1948 Pesuruhjaya Tinggi |
|---|---|---|

Mengapakah berlaku perubahan tersebut?
A Pengenalan Sistem Ahli
B Pentadbiran Tentera British
C Pengisytiharan Malayan Union
D Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

19 Bagaimanakah kedudukan Singapura apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk pada tahun 1948?
BUKU TEKS 134
A Mendapat taraf negara naungan
B Menjadi kerajaan yang berdaulat
C Kekal sebagai tanah jajahan British
D Keluar daripada Negeri-negeri Selat

20 Siapakah yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal kewangan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
BUKU TEKS 134
A Kerajaan Negeri
B Kerajaan Persekutuan
C Majlis Perundangan Negeri
D Majlis Mesyuarat Persekutuan

21 Rajah berikut berkaitan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948.
BUKU TEKS 134

X → Ahli rasmi ; Ahli tidak rasmi

Apakah X?
A Majlis Tindakan Rakyat
B Majlis Raja-raja Melayu
C Majlis Mesyuarat Persekutuan
D Majlis Perundangan Persekutuan

22 Majlis berikut ditubuhkan dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948.
BUKU TEKS 134

- Majlis Mesyuarat Persekutuan
- Majlis Perundangan Persekutuan

Apakah fungsi kedua-dua majlis tersebut?
A Melaksanakan pilihan raya umum
B Menggubal perlembagaan negara
C Mengawal kuasa Raja-raja Melayu
D Membantu Pesuruhjaya Tinggi British

23 Antara berikut, yang manakah merupakan bidang kuasa Majlis Perundangan Persekutuan?
BUKU TEKS 134
I Hal ehwal luar
II Ketenteraman awam
III Perlantikan pemerintah
IV Syarat kewarganegaraan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

24 Apakah kuasa yang dimiliki oleh Majlis Raja-raja?
BUKU TEKS 134
A Menjatuhkan hukuman
B Menggubal perlembagaan
C Melantik golongan menteri
D Memperkenankan undang-undang

## Kesan Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

25 Apakah kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap sistem pemerintahan beraja di Tanah Melayu?
BUKU TEKS 136
A Penubuhan Majlis Raja-raja
B Pelaksanaan Sistem Penasihat
C Pemulihan raja berkuasa mutlak
D Penyelarasan sistem pewarisan takhta


LIVEWORKSHEETS